

BAB 5

RUMUSAN DAN SARANAN

5.1 Pengenalan

Hasil daripada kajian strategi membaca teks bahasa Arab dalam kalangan pelajar ini, pengkaji akan mengemukakan cadangan dan saranan dalam dua bentuk yang berbeza, iaitu; pertama, cadangan bagi menyelesaikan masalah yang akan diutarakan dalam saranan pengajaran dan pembelajaran strategi membaca dalam pembelajaran kemahiran membaca bahasa Arab. Yang kedua, cadangan penyelidikan yang akan datang boleh membantu melengkapkan dan menyokong dapatan kajian ini.

5.2 RUMUSAN

Bagi menjelaskan lagi rumusan kajian, dua bentuk rumusan dikemukakan, iaitu; rumusan mengenai strategi membaca teks bahasa Arab dan rumusan berkaitan dengan dapatan kajian.

5.2.1 Rumusan Mengenai Strategi Membaca Teks Daripada Kajian Lepas

Berdasarkan perbentangan yang dikemukakan dalam bab dua penyelidikan ini, terdapat pelbagai pendapat definisi serta teori mengenai strategi membaca teks bahasa kedua yang

dikemukakan oleh sarjana-sarjana silam dan moden. Di samping itu penekanan tentang maksud strategi membaca bahasa kedua juga diperjelaskan dengan lebih terperinci.

Dalam pada itu, beberapa teori barat mengenai proses membaca dijadikan rujukan dalam kajian ini bagi memberi gambaran yang jelas bagaimana proses membaca berlaku. Teori-teori yang dikemukakan terutama teori membaca Vygotsky dibina berdasarkan kajian-kajian empirikal yang dijalankan terdahulu.

5.2.2 Rumusan daripada dapatan kajian

Berdasarkan dapatan yang diperoleh menerusi analisis data dalam bab empat, beberapa kesimpulan boleh dikemukakan mengikut objektif kajian yang meyenaraikan tiga dapatan utama.

Pertama, bagi menjawab soalan kajian yang pertama, strategi yang paling biasa dan paling kurang digunakan oleh pelajar, kajian mendedahkan beberapa dapatan yang agak menarik, strategi yang paling biasa digunakan adalah Strategi Penyelesaian Masalah. Strategi ini termasuklah melaraskan kadar bacaan seperti melambatkan, baca semula teks yang sukar dan berhenti berfikir tentang apa yang dibaca. Dapatan kajian juga mendedahkan bahawa Strategi Global adalah strategi yang paling kurang digunakan. Pelajar jarang menggunakan strategi “meramalkan dan mengesahkan ramalan”, “membuat tekaan tentang kandungan teks dan mengesahkan tekaan” dan “mengggunakan petunjuk konteks untuk meningkatkan kefahaman”. Penemuan ini memberi maklumat yang akan membantu guru untuk mengajar strategi lain kepada pelajar, dan pelajar mempunyai banyak pilihan untuk memilih strategi yang diminati. Ini dapat menyediakan pelajar dengan kemahiran membaca yang lebih baik, sekali gus menjadikan mereka pembaca yang

mahir dan lebih berdikari. Kajian ini tidak cuba mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan atau keutamaan strategi membaca. Jadi, ia hanya menjadi spekulasi yang boleh membentuk asas kajian yang akan datang. Dalam model psikolinguistik proses bacaan, latar belakang pengetahuan pelajar mungkin mempengaruhi kecenderungan pelajar untuk memilih strategi membaca yang tertentu. Pengetahuan latar belakang yang sangat baik telah dibentuk oleh sistem pendidikan kita. Mungkin disebabkan kurang penekanan terhadap bahasa Arab melahirkan generasi yang tidak fasih dan kurang minat dalam bahasa Arab, ini mencerminkan tahap kemahiran membaca mereka. Kekurangan penguasaan pengetahuan mungkin menyebabkan keperluan banyak bergantung pada strategi penyelesaian masalah mereka. Kebanyakan pelajar juga mempelajari bahasa Arab kerana berminat, dan tidak kurang juga ada juga antara mereka terpaksa mempelajari bahasa Arab kerana tuntutan Universiti yang mewajibkan semua pelajar mengambil mata pelajaran bahasa Arab kerana ia merupakan kursus wajib Universiti Sains Islam Malaysia.

Soalan kajian kedua menunjukkan tidak wujud perbezaan gender dalam penggunaan strategi membaca bagi semua kategori, seperti yang dilihat dalam analisis skor min, sisihan piawai bagi setiap strategi membaca teks bahasa Arab. Dapatan kedua yang ingin diketengahkan di sini adalah dapatan perbezaan penggunaan strategi membaca teks antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Terdapat perbezaan penggunaan strategi membaca teks yang signifikan antara responden perempuan berbanding responden lelaki.

Analisis membuktikan responden perempuan lebih tinggi skor min penggunaan strategi berbanding lelaki dengan ($M = 4.01$), dan lelaki ($M = 3.53$). Ini bererti secara signifikan, dalam populasi di mana sampel kajian diambil, responden perempuan lebih tinggi menggunakan strategi. Terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam ketiga-tiga penggunaan strategi; Strategi Global dan Strategi

Sokongan dan Strategi Penyelesaian Masalah, dengan pelajar perempuan mencatat skor min yang tinggi berbanding pelajar lelaki. Ini juga membuktikan penggunaan strategi dalam kalangan pelajar lelaki agak kurang, dan pelajar lelaki perlu sedar dan memerlukan perhatian yang lebih kepada usaha meningkatkan penggunaan ketiga-tiga kategori strategi ini. Ini dibuktikan dengan skor min yang dicatatkan menunjukkan rata-rata setiap strategi dan keseluruhan strategi adalah tinggi, dengan jumlah skor min ketiga-tiga strategi adalah ($M = 3.77$), dan skor min yang paling tinggi antara ketiga-tiga kategori adalah strategi penyelesaian masalah ($M = 4.01$), diikuti strategi sokongan ($M = 3.78$), manakala strategi global mencatat skor min paling rendah ($M = 3.62$).

Namun begitu dapatan yang diperoleh hanya terhad dalam kajian ini sahaja, dan ia tidak dapat digeneralisasikan. Kemungkinan untuk memperoleh dapatan yang berbeza tidak mustahil berlaku sekiranya kajian ini melibatkan responden lain atau institusi lain. Mungkin kajian akan datang boleh membuktikan bahawa hubungan antara pencapaian bahasa Arab pelajar dengan penggunaan strategi membaca teks tidak mempunyai sebarang hubungan yang signifikan antara keduanya. Oleh itu kemungkinan dapatan yang berbeza mungkin dipengaruhi oleh faktor di luar kawalan, jangkaan mahupun jangkauan kematangan pemikiran responden.

5.3 SARANAN

Daripada hasil kajian ini, pengkaji sertakan beberapa saranan dan cadangan berkaitan dengan strategi membaca teks bahasa Arab.

5.3.1 Saranan Untuk Pengajaran Dan Pembelajaran Strategi Membaca Teks bahasa Arab

Hasil daripada kajian ini akan menyediakan guru-guru dengan penemuan berharga ke arah pembangunan program membaca, dalam penggubalan arahan membaca, pemilihan bahan bacaan dan menjalankan keperluan pengajaran mengikut jantina. Sungguhpun kebanyakan guru tidak mempunyai idea mengenai kemahiran dan strategi membaca bagi menyesaikannya dengan seseorang pelajar untuk tujuan bacaan (Faye-Scholl, 2009). Pelajar-pelajar juga tidak banyak membaca sumber bacaan daripada bahasa kedua atau bahasa asing.

Yang pertama, guru mesti mengiktiraf peranan dan kepentingan strategi membaca dan mengakui bahawa terdapat keperluan untuk mengajar strategi membaca kepada pelajar, tambahan pula “*teaching instructions*” perlu diubahsuai berasaskan strategi seperti yang telah ditetapkan di dalam penemuan daripada kajian ini dan lain-lain kajian, ini kerana penguasaan bahasa berkait rapat dengan tahap penggunaan strategi bacaan. Dalam sistem pendidikan kini, tidak ada mata pelajaran khusus bagi kemahiran membaca di dalam kelas. Bagi membantu pembaca yang tidak mahir untuk keluar daripada kitaran masalah (Nuttal, 1982), jalan penyelesaiannya ialah mewujudkan program membaca berdasarkan “*strategy based on instruction*”.

Guru-guru bahasa khususnya bahasa Arab harus menggabungkan pengajaran strategi membaca sebagai sebahagian daripada pelajaran bahasa di dalam kelas. Strategi membaca juga harus mengambil kira perbezaan individu, perbezaan jantina serta perbezaan bahasa ibunda. Bahan bacaan yang akan dipilih, dikaji dan digredkan mengikut perbezaan

ini. Contohnya, bahan bacaan mestilah budaya neutral supaya kumpulan-kumpulan tertentu tidak terganggu oleh pengetahuan latar belakang.

Penglibatan dan kerjasama daripada guru dan pembaca adalah penting dalam perancangan dan pelaksanaan program membaca. Pembaca harus diberikan kebebasan untuk memilih bahan bacaan mereka sendiri. Mekanisma monitoring untuk mengesan kemajuan membaca individu adalah perlu untuk penambahbaikan berterusan kedua-duanya serta untuk program itu sendiri.

Bagi menggubal kurikulum pembelajaran bahasa berdasarkan strategi membaca. Penggubal kurikulum perlu mempunyai kesedaran dan mengiktiraf kepentingan kurikulum berasaskan strategi untuk bahasa. Usaha bersepadu dengan penglibatan pakar-pakar bahasa yang diperlukan untuk mengkaji semula kurikulum untuk menggabungkan elemen-elemen seperti strategi membaca dan strategi pembelajaran. Kurikulum yang sedia ada mesti beralih ke arah menyediakan “alat” dan bukannya hanya memberi makna perkataan, frasa dan konsep. “Alat” bermakna mengajar kesedaran strategi membaca dan menyediakan sumber strategi untuk membolehkan pelajar membantu diri mereka.

Dasar kurikulum mestilah liberal dan fleksibel, ia perlu mengambil kira faktor-faktor pembolehubah lain seperti latar belakang pelajar, jantina dan bahasa ibunda dalam konteks negara kita yang berbilang kaum dan budaya di peringkat akar umbi untuk memastikan peningkatan yang berterusan.

Bagi memastikan penyampaian yang berkesan dasar-dasar kurikulum mesti disemak semula. Pendidikan guru perlu disusun semula dengan beralih kepada strategi berasaskan kaedah Pembelajaran Bahasa Kedua atau Bahasa Asing. Salah satu perkara yang boleh dicapai melalui perubahan ini mestilah dengan pembukaan minda guru-guru dalam proses

pengajaran dan pembelajaran, guru-guru mesti sedar bahawa perbezaan individu seperti latar belakang dan kebolehan.

5.3.2 Saranan Untuk Kajian Akan Datang

Sesungguhnya, kajian yang dilakukan ini tidak dapat lari daripada banyak kekurangan dan kelemahan. Ianya tidak dapat memenuhi tuntutan dengan ketepatan hasil kajian daripada pengkaji. Pengkaji telah mengenal pasti dan menjangkakan terdapat ralat yang tidak disengajakan dan tidak dapat dielakkan. Oleh itu, pengkaji ingin mengemukakan cadangan dan saranan untuk memperkemaskan dan melengkapkan lagi kajian yang berkaitan.

Memandangkan kajian strategi membaca teks bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu ini juga merupakan satu penerokaan baharu dalam konteks pembelajaran bahasa Arab amnya dan di Malaysia khususnya, banyak saranan yang boleh dikemukakan untuk kajian akan datang bagi melihat keberkesanan pengajaran kemahiran membaca teks bahasa kedua atau bahasa asing khususnya bahasa Arab dalam memantapkan lagi penguasaan bahasa Arab. Berdasarkan kajian ini, satu kajian tindakan ke atas kemahiran membaca berasaskan strategi dapat dilaksanakan.

Antara kajian yang sesuai dijalankan mengenai strategi membaca teks bahasa Arab dalam pembelajaran bahasa Arab pada masa akan datang termasuklah;

- i. Kajian yang melibatkan sampel dan latar belakang berbeza. Ini bertujuan melengkapkan lagi dapatan umum mengenai penggunaan strategi membaca teks bahasa Arab yang telah diperolehi menerusi kajian ini.

- ii. Kajian yang lebih komprehensif yang menggunakan teknik pengumpulan data yang berbeza seperti kaedah temu bual, teknik lafaz-fikir, kajian diari dan sebagainya. Ini adalah untuk menyokong dapatan kajian sedia ada yang boleh melahirkan satu generalisasi tentang strategi membaca teks bahasa Arab dalam kalangan pelajar melayu.
- iii. Kajian strategi membaca teks bahasa Arab sebagai bahasa kedua yang berbentuk kualitatif bagi melihat keberkesanan dalam menguasai kemahiran membaca teks bahasa Arab, serta diharapkan berupaya menghasilkan kesan yang signifikan terhadap peningkatan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar melayu. Ini kerana kecenderungan responden memilih jawapan yang terbaik daripada item soal selidik memang tidak dinafikan. Kebarangkalian ini mendorong ke arah pemilihan yang hampir sama dalam kalangan mereka.
- iv. Kajian bagi mengenal pasti faktor penggunaan strategi membaca teks bahasa Arab dengan minat pelajar terhadap bahasa Arab.
- v. Membina instrumen yang khusus dan lebih terperinci untuk melihat penggunaan strategi membaca teks dalam meningkatkan penguasaan bahasa Arab.
- vi. Kajian perbandingan ke atas latar belakang budaya dan strategi membaca.

5.4 Penutup

Kajian telah menjelaskan persoalan yang dikemukakan oleh pengkaji. Dapatan kajian menunjukkan tahap penggunaan strategi membaca teks bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu adalah berada pada tahap yang tinggi. Bagi persoalan kedua pula, tidak wujud sebarang perbezaan yang signifikan penggunaan strategi membaca teks mengikut

gender. Penggunaan strategi membaca teks bahasa Arab dengan pencapaian bahasa Arab pelajar juga tidak wujud sebarang hubungan yang signifikan antara kedua-dua pembolehubah ini. Namun begitu terdapat perhubungan yang positif antara ketiga-tiga kategori strategi membaca teks tersebut.

Sungguhpun kajian ini telah mendedahkan beberapa penemuan menarik yang dapat dimanfaatkan dalam pemerolehan dan pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing, ia juga mempunyai beberapa batasan, terutama berkaitan dengan kaedah penyelidikan yang diguna pakai. Batasan ini berkenaan dengan kebolehpercayaan respon soal selidik. Walaupun pelajar dilaporkan menggunakan beberapa strategi, ia sukar untuk mengetahui sama ada mereka sebenarnya menggunakan strategi yang dilaporkan. Kajian akan datang perlu menggabungkan kedua-dua kaedah penyelidikan iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif bagi meneliti dengan tepat penggunaan strategi membaca pelajar.

Diharap daripada hasil kajian ini akan memberi manfaat kepada sesiapa sahaja yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab khususnya dan juga kepada pelajar-pelajar Universiti amnya.